

## **Pendapatan Sime Darby Property Melonjak 25% kepada RM1.4 bilion pada Separuh Pertama TK2023**

- Jualan Syarikat melepasi RM1.5 bilion menunjukkan permintaan tinggi daripada pasaran;
- Margin keuntungan kasar Syarikat melebihi jangkaan pada 28%; PBT dan PATAMI di kedudukan sihat pada RM212.2 juta dan RM131.7 juta masing-masing;
- Dividen interim pertama sebanyak 1.0 sen diisytiharkan;
- Syarikat menyemak semula sasaran jualan dan GDV pelancaran kepada RM2.7 bilion dan RM4.0 bilion masing-masing.
- Sukuk Musharakah Syarikat terlebih langganan sebanyak lebih lapan kali menandakan keyakinan teguh pelabur

**ARA DAMANSARA, 28 OGOS 2023:** Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM1.4 bilion untuk enam bulan berakhir 30 Jun 2023 (“separuh pertama TK2023”), menunjukkan peningkatan sebanyak 25% berbanding RM1.1 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.

Margin keuntungan kasar Syarikat melebihi jangkaan pada 28% dengan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM212.2 juta dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) sebanyak RM131.7 juta yang menggambarkan persekitaran pasaran kompetitif dan dinamik.

Dipacu oleh kemajuan projek yang sedang berjalan, Syarikat mendaftarkan pendapatan yang lebih tinggi dengan RM688.9 juta berbanding suku sebelumnya. PBT meningkat 17% suku-ke-suku (“QoQ”) kepada RM114.3 juta dan PATAMI juga naik sebanyak 17% kepada RM71.1 juta.

Dengan memanfaatkan peluang pasaran, Syarikat merekodkan jualan berjumlah RM1.5 bilion yang mewakili 65% daripada sasaran jualan berjumlah RM2.3 bilion bagi TK2023. Segmen perindustrian merupakan penyumbang utama dengan 40% atau RM597.0 juta bagi jualan keseluruhan yang dicapai pada separuh pertama TK2023.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata, “Strategi kami dalam menghadapi dinamik pasaran semasa adalah bertunjangkan pemahaman nuansa pasaran dan permintaan pengguna. Ini membolehkan kami untuk bergerak secara berkesan dan memanfaatkan pertumbuhan di samping mengekalkan konsistensi dalam tawaran kami. Keseimbangan ini penting untuk jualan berterusan dan trajektori pertumbuhan operasi pada separuh pertama TK2023.”

Sebagai tambahan kepada kecemerlangan operasi, Syarikat juga telah memenangi sebanyak 33 anugerah pada separuh pertama TK2023, dengan dua kemenangan besar untuk Bandar Elmina dan Cantara Residences di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berlangsung di Amerika Syarikat.

Pada 21 Ogos 2023, Syarikat juga telah melengkapkan terbitan Sukuk kedua di bawah Program Sukuk Musharakah dengan nilai nominal sebanyak RM600 juta. Terbitan itu telah menarik perhatian pelbagai kumpulan pelabur berpendapatan tetap dan berkaliber tinggi dan mencapai lebih langganan lebih daripada lapan kali serta kutipan buku pesanan bernilai lebih daripada RM4.8 bilion. Ini merupakan bukti keyakinan pasaran terhadap Syarikat.

### **Separuh Pertama TK2023 vs Separuh Pertama TK2022**

Segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*) mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh sebanyak 27% YoY dan mencecah RM1.3 bilion berbanding RM1.0 bilion tahun lalu. Prestasi baik segmen ini adalah hasil daripada kombinasi jualan dan keuntungan kukuh daripada produk perindustrian serta kediaman. Pada masa yang sama, PBT menunjukkan kenaikan 6%, bersamaan RM204.2 juta, yang menggambarkan peningkatan dalam aktiviti pembangunan tapak di perbandaran Bandar Bukit Raja, Nilai Impian, Elmina Business Park dan Bandar Serenia.

Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management*) juga lebih tinggi pada RM52.5 juta pada separuh pertama TK2023, dipacu oleh pertumbuhan sub-segmen runcit (*retail*) khususnya KL East Mall yang merekodkan kenaikan kadar penghunian daripada 81% kepada 86%. Namun begitu, PBT segmen ini adalah lebih rendah pada RM7.5 juta daripada RM27.2 juta, disebabkan oleh bahagian kerugian yang lebih tinggi daripada projek-projek usaha sama Syarikat.

### **Pelancaran dan Jualan Pada Separuh Pertama TK2023**

Pada separuh pertama TK2023, Syarikat telah memperkenalkan projek-projek baharu bernilai RM2.1 bilion yang mewakili 70% daripada sasaran pelancaran tahunan sebanyak RM3.0 bilion. Tawaran-tawaran telah dipelbagaikan untuk memenuhi jangkaan pasaran: 49% untuk kediaman bertanah, 30% untuk kediaman bertingkat tinggi (*high-rise*), 18% untuk perindustrian dan 3% untuk komersial. Kadar pembelian purata kesemua produk pada masa ini adalah 82%.

Setakat 20 Ogos 2023, produk kediaman bertanah merekodkan kadar pembelian purata sebanyak 80%. Fasa 1 dan 2 Emilia di Nilai mencatatkan kadar pembelian purata yang memberangsangkan iaitu sebanyak 100% dan 98% masing-masing.

Produk kediaman bertingkat tinggi pula merekodkan kadar pembelian purata 73% dengan dua pelancaran, iaitu Teja di Subang Jaya City Centre ("SJCC") dan Serasi Residences di Putra Heights, pada hujung separuh pertama TK2023.

Produk perindustrian Syarikat mencapai kadar pembelian purata 88%, dengan sumbangan utama daripada The Prestige Collection Signature Series di Elmina Business Park serta tawaran perindustrian di Bandar Universiti Pagoh – kedua-duanya dijual sepenuhnya. Fasa 2C XME Business Park di Nilai Impian juga merekodkan kadar pembelian purata sebanyak 94%.

## **Pencapaian Kewangan dan Operasi**

Inventori sedia ada berkurangan dengan ketara kepada RM237.7 juta daripada RM277.2 juta pada 31 Disember 2022, dan merupakan paras terendah yang pernah dicapai sejak pengumuman pengasingannya. Syarikat mendaftarkan rizab simpanan tunai sebanyak RM795.4 juta, manakala nisbah hutang bersih sebanyak 20.7% mencerminkan aliran tunai dan kapasiti kukuh untuk perkembangan masa depan.

Syarikat mencatatkan jualan belum dibil yang lebih tinggi sebanyak RM3.8 bilion pada 30 Jun 2023 berbanding RM3.6 bilion pada 31 Disember 2022, yang memastikan keterlihatan pendapatan untuk tiga tahun akan datang. Tempahan semasa adalah berjumlah RM1.9 bilion pada 6 Ogos 2023.

## **Dividen**

Sime Darby Property telah mengisytiharkan dividen interim pertama sebanyak 1.0 sen dividen sesaham berjumlah RM68.0 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

## **Prospek Untuk TK2023**

Yakin bahawa momentum kukuh yang dilihat pada separuh pertama 2023 akan berterusan hingga separuh kedua tahun ini, Syarikat telah menyemak semula sasaran jualan daripada RM2.3 bilion kepada RM2.7 bilion dan sasaran GDV pelancaran daripada RM3.0 bilion kepada RM4.0 bilion.

"Kami percaya Syarikat berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan permintaan pasaran, di mana kami juga berpeluang untuk memaksimumkan pertumbuhan pembangunan hartanah pada tahun-tahun akan datang. Kami optimistik dalam keupayaan kami untuk mencapai matlamat tahun ini dan seterusnya berusaha dalam memaksimumkan nilai bagi pihak-pihak berkepentingan kami," kata Dato' Azmir.

**-TAMAT SIARAN-**

## **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)